

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL
FATTAH ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**SESI LIBAT URUS
KONGRES KOPERASI KEBANGSAAN
2024 (KUMPULAN PEMIKIR)**

7 JUN 2024 (JUMAAT)
8.30 PAGI
HOTEL LE MERIDIEN, KELANA JAYA,
PJ

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh
Salam Koperasi, Salam Malaysia
Madani dan Salam Perpaduan

(Salutasi oleh Penganjur)

1. Segala puji dan syukur dirafakkan ke hadrat Allah S.W.T

yang telah memberi kesempatan untuk kita semua berkumpul pada hari ini bagi meneruskan usaha memperkasa gerakan koperasi ke aras yang Baharu. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W.

2. Kehadiran barisan Kumpulan Pemikir ANGKASA (Think Tank) pada hari ini membuktikan komitmen dan kebersamaan kita semua untuk menjadi pemangkin berterusan kepada kejayaan gerakan koperasi negara.

Para Hadirin Hadirat Yang Saya Hormati Sekalian

3. Sesi Libat Urus ini adalah satu landasan yang penting dalam menetapkan hala tuju gerakan koperasi negara. Melalui kerjasama yang kukuh antara ANGKASA,

Koperasi-koperasi dan Federasi-federasi di Malaysia, kita dapat bersama-sama membincangkan isu-isu penting dan merangka resolusi yang dapat membawa impak positif kepada kemajuan gerakan ini serta masyarakat secara keseluruhannya.

4. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah tugas memperkasa gerakan koperasi dan impaknya kepada masyarakat. Kita perlu memastikan bahawa koperasi-koperasi kita tidak hanya bertahan, tetapi berkembang dan menjadi peneraju dalam inovasi dan

pembangunan ekonomi. Dengan cara ini, kita dapat memastikan bahawa kesan positif gerakan koperasi dapat dirasakan oleh setiap lapisan masyarakat, dari bandar ke desa, dari pemilik perniagaan ke individu yang mengambil bahagian dalam kegiatan koperasi.

5. Gerakan koperasi telah bertapak di negara ini melebihi 100 tahun. Sudah tiba masanya tumpuan diberikan kepada pembangunan dan isu-isu berkaitan koperasi di negara ini, seterusnya mencari konsensus bagi memperkasakannya. Kita

berharap, menerusi kongres yang akan diadakan ini, koperasi berpeluang meneliti semula kerelevanan dan kesesuaian akta serta peraturan koperasi yang digunapakai supaya selari dengan perubahan persekitaran yang dinamik.

6. Mengikut statistik terkini yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) **sehingga 30 Jun 2023, terdapat 15.553 buah koperasi berdaftar dengan keanggotaan seramai 7.3 juta individu Jumlah syer / yuran sebanyak RM17.47 bilion Ringgit**

dan jumlah aset sebanyak RM161.96 bilion. Manakala jumlah perolehan dicatatkan sehingga 31 Disember 2022 adalah sebanyak RM45.05 Bilion.

7. Jumlah perolehan yang meningkat setiap tahun serta

peningkatannya cukup
menunjukkan menunjukkan
koperasi ini wadah yang tepat
dalam usaha pembasmian
kemiskinan. Justeru adalah amat
penting kita dapat membawa
resolusi yang akan melancarkan
mekanisme pertumbuhan yang

berkesan kepada kemajuan gerakan ini.

Para Hadirin Hadirat Yang Saya Hormati Sekalian

8. Kongres Kerjasama Malaysia Pertama diadakan pada tahun

1966 di Universiti Malaya dengan matlamat untuk menubuhkan Kesatuan Koperasi Peringkat Kebangsaan bertujuan untuk menyatukan semua koperasi dalam satu gerakan yang lebih menyeluruh. Kemudian Kongres Kedua telah diadakan pada 1969

dan hasilnya ANGKASA telah ditubuhkan.

9. Pada tahun ini maka genaplah 55 tahun semenjak Kongres terakhir diadakan. Maka dengan pelbagai isu dan cabaran yang mengekang kemajuan gerakan ini, maka amat wajar jika Kongres dianjurkan sekali

lagi untuk kita duduk semeja mencari penyelesaian kepada cabaran tersebut supaya selari dengan perubahan landskap dan kehendak yang berubah termasuklah dari segi politik, ekonomi dan sosial.

10. Selain dari akta dan peraturan yang tidak mesra koperasi, kita

juga perlu melihat Dasar Kewangan dan Fiskal Kerajaan yang dilihat tidak memberi kelebihan kepada gerakan koperasi untuk berdaya saing dan berkembang dalam perniagaan. Ini termasuk soal bajet yang dilihat tidak sepadan dengan jumlah

koperasi dan ahli koperasi yang terus meningkat setiap tahun.

11. Empat Fokus diberikan keutamaan untuk dibincangkan melalui Sesi Libat Urus ini iaitu **Memperkasa Identiti dan Jatidiri, Memperkasa Akta dan Peraturan Koperasi,**

**Faktor Pemangkin Kejayaan
Koperasi dan yang terakhir
Koperasi Penyumbang Utama
Pembangunan Sosiekonomi
Negara.**

12. Saya berharap melalui
perbincangan terbuka pada hari

ini dapat mengumpulkan input-input penting dan akhirnya kelak dapat mengangkat resolusi untuk diserahkan kepada Perdana Menteri bagi diambil tindakan yang mampu untuk memberi impak positif kepada kemajuan landskap gerakan ini.

Hadirin Hadirat yang dimuliakan Allah S.W.T

13. Sekali lagi ingin saya ucapkan ribuan terima kasih atas sokongan melalui kehadiran Tan Sri, Datuk-datuk, Datin-datin, Dr., tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini. Ini

merupakan terjemahan kepada Semangat Bekerjasama Demi Manfaat Bersama yang menjadi nadi kepada berjayanya gerakan koperasi di negara ini sebagai platform kebergantungan sosiekonomi Sejahtera buat semua rakyat di negara ini.

14. Semoga input yang diberikan di sepanjang Sesi Libat Urus ini mampu membawa anjakan baharu dalam sektor koperasi.
“KOPERASI PEMANGKIN EKONOMI MADANI”

Sekian Terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamuaikum Warahmatullahi
Wwabarakatuh.